

Bantah tukar syarat tanah

Penduduk mahu Serendah Golf Resort kekal sebagai kawasan rekreasi

KUALA KUBU BHARU - Penduduk Serendah Golf Resort membantah tindakan kerajaan negeri yang didakwa mahu menukar syarat tanah di kawasan perumahan mereka daripada kawasan rekreasi kepada perumahan.

Pengerusi persatuan penduduknya, Tan Sri Zaman Khan berkata, tanah seluas 67.2 hektar di kawasan itu dahulunya dijadikan kawasan hijau, namun terdapat pembangunan baru yang dilihat telah memusnahkan beberapa hektar tanah.

"Kita sudah berunding dengan menteri besar, jadi kita merayu jangkan tukar syarat tanah.

"Tapi sampai sekarang belum ada keputusan. Tidak ada tarikh tapi mungkin pihak kerajaan negeri akan panggil," katanya ketika ditemui media selepas mengadakan demonstrasi aman di hadapan bangunan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), di sini, semalam.

Beliau hadir bersama lebih 40 penduduk bagi menyatakan bantah-



Sebahagian penduduk Serendah Golf Resort yang mengadakan bantahan di hadapan bangunan MDHS semalam.

an terhadap tindakan penukaran syarat tanah itu.

Zaman berkata, pada asalnya kawasan itu dibuka pada 1990 sebagai 'Serendah Golf Resort', di mana kawasanannya yang cantik de-

ngan kehijauan persekitaran menarik penduduk yang kebanyakannya pesara kerajaan membelinya.

Bagaimanapun katanya, disebabkan pengurusan yang didakwa tidak betul, syarikat pemaju muflis

dan tidak dapat menjelaskan cukai tanah sehingga pihak bank meelong beberapa kawasan tanah di situ.

Menurutnya, tanah perumahan di kawasan itu dijual pada harga RM3 sekaki persegi, manakala

kawasan golf dijual lebih rendah iaitu pada harga RM1.60 sekaki persegi.

"Ini satu kawasan yang prestij, cantik, jadi kami merayu kepada pihak pemaju jangkan izinkan tanah ini ditukar daripada kawasan rekreasi kepada kawasan perumahan.

"MDHS kita difahamkan tidak bersetuju ditukar syarat dan kalau itu benar kita bersyukur," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* di kawasan berkenaan mendapati terdapat kerja pembangunan yang difahamkan bagi tujuan ubah suai bangunan sedia ada.

Namun, menurut seorang penduduk, Mohamad Hizad, kawasan tanah yang dimajukan lebih luas dan difahamkan terdapat cadangan membina rumah kelab dengan kemudahan lain seperti perpustakaan, klinik termasuk kolam renang.

Katanya, difahamkan MDHS juga sudah diarah membuat pengesanan kawasan untuk tujuan pembangunan yang telah dirancang.